

Geologi struktur pada Formasi Gua Musang di negeri Kelantan

JATMIKA SETIAWAN^{1,2*} & IBRAHIM ABDULLAH¹

¹Geology Programme, School of Environmental and Natural Resources Sciences
Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Programme of Geology, Faculty of Mineral Technology, UPN "Veteran" Yogyakarta, Indonesia

*Email Address: jatmikosetiawan@yahoo.com

Negeri Kelantan adalah salah satu negeri bahagian paling utara daripada Semenanjung Malaysia. Negeri ini bahagian utara bersempadan dengan Thailand, bahagian timur bersempadan dengan Negeri Terengganu dan bahagian selatan bersempadan dengan Negeri Pahang, manakala bahagian barat bersempadan dengan Negeri Perak dan Negeri Kedah. Kertaskerja dimaksudkan untuk menghuraikan secara terperinci pelbagai struktur yang melibatkan berbagai jenis batuan dalam Formasi Gua Musang di seluruh Negeri Kelantan. Secara geologi Negeri Kelantan tersusun daripada litologi Olistostrom Kelantan Barat, Syis Taku dan Formasi Gua Musang. Manakala batuan rejahan berupa granit, diorit porfi, andesit, ignimbrit dan dolerit. Negeri Kelantan secara struktur di bahagian barat disempadani oleh olistostrom Kelantan Barat yang di beberapa lokaliti direjah oleh jasad serpentinit dan bahagian timur disempadani oleh Sesar Lebir. Metodologi yang digunakan dalam penelitian ini ialah ritisan terperinci di sepanjang laluan jalan dan sungai. Manakala analisis yang digunakan iaitu dengan Program Dips dan secara manual. Formasi Gua Musang, merupakan formasi yang paling luas menempati Negeri Kelantan. Lipatan utama yang dijumpai di bahagian tengah dengan paksi lipatan berarah utara selatan hingga utara barat laut-selatan tenggara. Manakala di bahagian utara paksi terpesong oleh rejahan granit dan diorit porfi membentuk arah paksi timurlaut-baratdaya. Sesar yang melibatkan Formasi Gua Musang berupa sesar dektral berjurus U30-45°T miring ke arah tenggara 60-70°. Sesar sinistral berjurus U330-340°T miring ke arah timurlaut dan baratdaya 60-70°. Sesar songsang berjurus U350°T miring ke arah timut-timur laut dan barat-baratdaya 60-80°T. Di kawasan yang bersempadan dengan rejahan granit dan sesar besar, Formasi Gua Musang menjadi sangat keras dan terlipat-lipat rapat. Rejahan diorit porfi di Kampung Pasir Maya berarah timurlaut-baratdaya telahpun memesongkan arah paksi lipatan utama pada Formasi Gua Musang menjadi selari dengan rejahan. Tegasan utama yang melipatkan dan mensesarkan Formasi Gua Musang berarah antara barat-baratlaut – timur-tenggara hingga timur-timurlaut – barat-baratdaya.